

# CARA PERMOHONAN

SEMUA KES-KES PERCERAIAN ADALAH KES YANG DIMULAKAN DENGAN SAMAN. BERSAMA PENYATA TUNTUTAN.

SETIAP PENDAFTARAN KES HENDAKLAH DISERAHKAN SENDIRI OLEH PEMOHON ATAU WAKILNYA KEPADA KETUA PENDAFTAR ATAU PENDAFTAR ATAU PENOLONG PENDAFTAR.

SETIAP DOKUMEN PENDAFTARAN HENDAKLAH DIKEMUKAKAN DALAM EMPAT (4) SALINAN.

PENDAFTARAN KES HENDAKLAH DISERTAKAN:

1. SAMAN.
2. PENYATA TUNTUTAN
3. IKATAN DOKUMEN IAITU
  - A. SALINAN DAN DOKUMEN ASAL KAD PENGENALAN.
  - B. BORANG AKUAN PERMASTAUTINAN
  - C. SALINAN DAN DOKUMEN ASAL SIJIL PERNIKAHAN/RUJUK.
  - D. DOKUMEN SOKONGAN.
4. IQRAR (KES CERAI SEKSYEN 47)
5. BORANG JAWI 6 (KES CERAI SEKSYEN 47)

WAKTU BERURUSAN DI KAUNTER PENDAFTARAN:

ISNIN-KHAMIS : 8.30 PAGI - 4.30 PETANG  
JUMAAT : 8.30 PAGI - 12.15 TENGAH HARI  
2.45 PETANG- 4.30 PETANG

MAHKAMAH SYARIAH WILAYAH PERSEKUTUAN

محكمة شرعية ولاية persekutuan



## HUBUNGI KAMI

MAHKAMAH SYARIAH WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR  
NO 71, JALAN SRI HARTAMAS 1,  
TAMAN SRI HARTAMAS, 50676 KUALA LUMPUR.  
TEL: 03-6205 7000 FAX: 03-6205 7100 / 7300

MAHKAMAH SYARIAH WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA  
BANGUNAN ANNEXE, ISTANA KEHAKIMAN  
PRESINT 3, 62506 PUTRAJAYA  
TEL: 03-8880 4500 FAX: 03-8880 4564

MAHKAMAH SYARIAH WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN  
BANGUNAN MAHKAMAH SYARIAH  
JALAN TUN MUSTAPHA, 87000 LABUAN  
TEL: 087-410 857 FAX: 087-410 855



[www.mswp.gov.my](http://www.mswp.gov.my)



@MahkamahSyariahWilayah Persekutuan



@MSWP\_Official



# PERCERAIAN

DI MAHKAMAH SYARIAH

## SYARIAH ASAS KEADILAN

MAHKAMAH SYARIAH WILAYAH PERSEKUTUAN

محكمة شرعية ولاية persekutuan



## PERINGATAN!!

Akta/ Enakmen Undang-undang keluarga Islam Negeri telah memperuntukan bahawa semua lafaz talak **hendaklah dilafazkan dengan kebenaran Hakim Syarie di dalam Mahkamah.**

## CARA PERCERAIAN DI MAHKAMAH SYARIAH

Perceraian yang terdapat didalam Akta/ Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri-negeri yang sedang berkuatkuasa memperuntukan seperti berikut:

## PERINGATAN!!

Adalah menjadi satu **kesalahan** sekiranya melafazkan talak tanpa kebenaran Hakim Syarie di luar Mahkamah yang boleh dikenakan hukuman **denda tidak melebihi satu (1) ribu Ringgit atau penjara tidak melebihi enam (6) bulan atau kedua-duanya**

01

### PERCERAIAN MELALUI LAFAZ TALAK

Talak ialah pembubaran perkahwinan dengan lafaz talak atau seumpamanya berdasarkan Al-Quran, As-Sunnah dan Ijma' Ulama. Perceraian boleh melalui lafaz soreh (Jelas) atau kinayah (kiasan)

Peruntukan undang-undang:  
Seksyen 47 [Akta 303]

02

### PENGESAHAN LAFAZ TALAK

Pengesahan lafaz talak ialah talak yang dilafazkan oleh suami diluar mahkamah dan tanpa kebenaran mahkamah sama ada dengan lafaz soreh atau kinayah terhadap isterinya.

Peruntukan undang-undang:  
Seksyen 55A [Akta 303]

03

### FASAKH

Fasakh ialah melepaskan ikatan perkahwinan antara suami dan isteri setelah diminta cerai oleh isteri melalui pengadil (hakim). Fasakh hanya boleh dilakukan oleh pihak yang berkuasa sahaja seperti hakim dan kadi apabila terdapat sebab tertentu.

Peruntukan undang-undang:  
Seksyen 52 [Akta 303]

CARA  
01

### PERCERAIAN MELALUI LAFAZ TALAK

### PENGESAHAN LAFAZ TALAK

CARA  
02

CARA  
03

### FASAKH

### PERCERAIAN SECARA TAKLIQ

CARA  
04

CARA  
05

### TEBUS TALAK/ KHULU'

### ANGGAPAN MATI

CARA  
06

04

### TAKLIQ

Takliq bererti perjanjian yang dibuat oleh suami selepas akad nikah mengikut Hukum Syarak dan sepertimana didalam undang-undang. Cerai takliq boleh disabitkan apabila berlaku pelanggaran ke atas takliq setelah aduan dibuat serta disahkan oleh Mahkamah.

Peruntukan undang-undang:  
Seksyen 50 [Akta 303]

05

### TEBUS TALAK / KHULU'

Khuluk atau tebus talak ialah talak yang berlaku dengan keinginan isteri dan kesungguhannya untuk bercerai. Khulu' disyariatkan bagi menebus dirinya agar dibebaskan oleh suaminya dengan cara mengembalikan mas kahwin yang telah meraka sepakati sebelum ini kepada suaminya.

Peruntukan undang-undang:  
Seksyen 49 [Akta 303]

06

### ANGGAPAN MATI

Anggapan mati ialah apabila suami seseorang wanita telah mati atau dipercayai telah mati atau telah tidak didapati apa-apa khabaran mengenainya selama tempoh empat (4) tahun atau lebih. Wanita tersebut mahu berkahwin lain, maka perlu mendapatkan pengesahan dari pihak Mahkamah.

Peruntukan undang-undang:  
Seksyen 53 [Akta 303]